

TATATERTIB PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

(Bacaan sebelum peperiksaan bermula)

Tolong senyap dan beri perhatian semasa ketua pengawas memberi arahan.

1. Para pelajar sila pastikan peraturan-peraturan berikut dipatuhi.
2. Anda hendaklah berada di dewan /bilik peperiksaan yang betul.
3. Anda tidak dibenarkan membuka kertas soalan sehingga diberitahu.
4. Letakkan kad matrik atau kad pengenalan dan slip peperiksaan akhir di penjuru sudut kanan meja peperiksaan. Sekiranya gagal berbuat demikian anda tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir.
5. Anda tidak dibenarkan membawa masuk bahan larangan seperti yang dinyatakan di dalam Buku Peraturan Peperiksaan Akhir. Hanya alat tulis yang diperlukan sahaja yang dibenarkan berada di atas meja. Pelajar adalah **TIDAK DIBENARKAN** membawa bahan larangan termasuk sebarang bentuk alat komunikasi atau telefon bimbit ke dalam Dewan Peperiksaan. Pelajar yang tidak mematuhi peraturan peperiksaan termasuk yang membawa telefon bimbit akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk diberikan markah 0.
6. Sila lengkapkan maklumat di dalam borang kehadiran di muka hadapan buku/kertas jawapan peperiksaan dan letakkan di penjuru sudut kanan meja peperiksaan.
7. Sila buka kertas soalan. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang betul dan helaian mukasurat yang mencukupi. (*Ketua/Penolong Ketua Pegawas memaklumkan jumlah mukasurat bagi setiap kertas peperiksaan*).
8. Perlu diingatkan anda tidak dibenarkan berhubung dengan mana-mana pelajar lain sepanjang peperiksaan berlangsung.
9. Anda boleh mula menjawab soalan peperiksaan sekarang.

(Bacaan 15 minit sebelum peperiksaan tamat)

1. Masa tinggal 15 minit sahaja lagi. Anda tidak dibenarkan keluar meninggalkan dewan/bilik peperiksaan.

(Bacaan tamat peperiksaan)

1. Masa peperiksaan telah tamat. Anda diminta berhenti menulis.
2. Sila pastikan buku jawapan / kertas jawapan peperiksaan disusun dan diikat dengan sempurna.

Atau

Letakkan kertas jawapan di dalam kotak-kotak yang disediakan dengan diawasi oleh pengawas peperiksaan.

3. Anda dilarang membawa keluar dari dewan/bilik peperiksaan buku jawapan/kertas jawapan yang telah digunakan, rosak atau kosong.
4. Sila tinggalkan alat keperluan/bahan rujukan yang dipinjam di atas meja.
5. Anda dikehendaki senyap dan berada di tempat duduk masing-masing sehingga dibenarkan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.